

09 JUL 2001

Komanwel

SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL DONALD C. MCKINNON LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Komanwel Donald C. Mckinnon akan mengadakan lawatan dua hari ke Malaysia mulai esok.

Beliau akan diiring oleh Arnitav Banerji, Pengarah di Pejabat Setiausaha Agung.

Kunjungan ke Malaysia adalah sebahagian daripada program lawatannya ke beberapa negara Komanwel untuk mengadakan perbincangan mengenai persediaan bagi mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) akan datang.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, CHOGM akan diadakan di Brisbane, Australia dari 6 hingga 9 Okt tahun ini.

Semasa lawatannya ke sini, Mckinnon akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai persediaan CHOGM Brisbane.

"Beliau juga akan berbincang dan bertukar-tukar pendapat dengan Dr Mahathir mengenai pelbagai isu yang akan dibincangkan di CHOGM Brisbane," kata Wisma Putra.

McKinnon juga akan mengunjungi Wakil Khas Perdana Menteri ke Kumpulan Bertindak Peringkat Menteri Komanwel Tan Sri Musa Hitam.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad akan meraikan McKinnon dalam satu jamuan tengah hari.

-- BERNAMA

AT ZS NAK